

Kementerian Perumahan letak sasaran kadar kitar semula 30 peratus menjelang 2020

NST 1.11.2018 8

TUARAN: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan meletakkan sasaran kadar kitar semula di negara ini sebanyak 30 peratus menjelang tahun 2020.

Timbalan Ketua Setiausaha, Zamri Salleh berkata, setakat ini pencapaian kadar kitar semula keseluruhan negara sudah mencapai 24.6 peratus.

"Kadar tersebut sebenarnya sudah berjaya dicapai kerana pada mulanya sasaran asal kita iaitu sebanyak 22 peratus menjelang akhir Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).

"Kemudian, kementerian mengkaji semula seterusnya meletakkan sasaran baharu iaitu sebanyak 30 peratus," jelasnya ketika ditemui media selepas menyampaikan taklimat sempena Seminar Kesejahteraan Rakyat Menerusi Penyediaan Rumah Mampu Milik dan Pengurusan Sisa Pepejal Sistematis dan Terurus di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Kampus Sabah, pagi Rabu.

Menurutnya, hanya tujuh negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2008 (Akta 672).

"Dari segi pengurusan sistem pepejal hanya negeri-negeri yang menerima pakai adalah di bawah tanggungjawab kerajaan persekutuan.

"Manakala negeri lain pula adalah di bawah tanggungjawab kerajaan negeri dan pihak




KEVIN...Pensyarah selaku penyelidik di UMS.

berkuasa tempatan masing-masing," jelas beliau.

Negeri-negeri yang mengguna pakai Akta 672 adalah Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Kedah, dan Perlis termasuk Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kuala Lumpur.

Dalam pada itu, Timbalan Pengarah Pusat



UCAPAN...Zamri semasa menyampaikan ucapan kepada para peserta seminar yang hadir.

Pengurusan Eco-Kampus Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kelvin BH Kuek turut berkongsi pandangan bahawa lebih baik sekiranya semua negeri menggunakan sebuah sistem pengurusan yang sistematis dan terurus agar dapat memperkasakan peratusan kitar semula yang perlu dicapai iaitu kira-kira 4 peratus menjelang tahun 2020.

Katanya, perubahan minda dan anjakan paradigma oleh masyarakat itu sangat penting dan semua itu bermula dari pendidikan awal.

"Kita harus melakukan pendidikan awal serta memberi kesedaran kepada orang awam bahawa kitar semula bukan paksaan tetapi tunjuk kepada mereka bahawa kitar semula boleh membawa kepada penjanaan pendapatan melalui sekular ekonomi," ujar beliau

yang merupakan peserta seminar tersebut.

Tambah Kelvin, perlu promosi giat berkenaan kitar semula 'upcycle' yang lebih bermanfaat yang boleh menghasilkan produk yang mempunyai nilai lebih tinggi seterusnya dapat menjana pendapatan kepada isi-isi rumah dan kawasan perumahan.

"Kalau dulu kitar semula 'downcycle' yang bermaksud kita guna bahan yang tidak diguna untuk dijadikan bahan mentah semula tetapi akhirnya daripada bahan mentah itu sendiri lebih banyak bahan dijadikan sampah," jelas beliau.

Hadir sama Pengarah Wilayah INTAN Kampus Sabah, Samsul Dollah bersama-sama 246 peserta seminar terdiri daripada para penjawat awam negeri dan persekutuan.